



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**PENGAJARAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS)  
DALAM MEMBENTUK PEMIKIRAN KRITIS: PENELITIAN  
TERHADAP MODUL KURSUS FIS DI PUSAT PENATARAN  
ILMU DAN BAHASA (PPIB), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*THE TEACHING OF PHILOSOPHY AND CONTEMPORARY ISSUES (FIS) IN  
FORMATION OF CRITICAL THINKING: A STUDY MODULES OF FIS COURSE  
IMPLEMENTED AT CENTRE FOR THE PROMOTION OF KNOWLEDGE AND  
LANGUAGE LEARNING (PPIB), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH*

Syamsul Azizul Marinsah<sup>1\*</sup>, Abang Mohd. Razif Abang Muis<sup>2\*</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>3\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>4</sup>, Habibah @ Artini Ramlie<sup>5</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>6</sup>, Muhammad Safuan Yusoff<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: amrazif@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>7</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: safuan\_y@yahoo.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

**Abstrak:**

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu kursus generik yang wajib diambil oleh para mahasiswa di seluruh IPT Malaysia bermula pada sesi pengambilan 2019/2020. Modul FIS dibangunkan dengan tujuan untuk mempersiap-siagakan para mahasiswa agar mampu berfikir secara

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

Published date: 31.05.2021

To cite this document:

Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., Esa, M. S., Othman, I. W., Ramlie, H., Mokhtar, S., & Yusoff, M. S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus Fis di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (39), 137-149.

DOI: 10.35631/IJEPC.639009.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kritis dan integral dalam menanggapi pelbagai cabaran pemikiran yang berkait dengan isu-isu semasa. Pemikiran kritis merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dalam kurikulum pengajian di semua peringkat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen-elemen pembentukan pemikiran kritis dalam modul pengajian kursus FIS yang dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini termasuk dalam penelitian kualitatif. Justeru, kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen yang terdiri daripada modul FIS, jurnal dan tinjauan artikel berkaitan pembentukan pemikiran kritis. Hasil kajian mendapat, wujud beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu menyumbang ke arah pembentukan dan penerapan pemikiran kritis dalam modul pengajian kursus FIS yang ditawarkan di UMS. Dengan mempelajari kursus ini, diharapkan penghargaan pelajar terhadap kursus ini terus meningkat, dan dapat membantu dalam proses pembentukan pemikiran kritis yang selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara iaitu pendidikan berteraskan nilai.

**Kata Kunci:**

Falsafah dan Isu Semasa, Pemikiran Kritis, Universiti Malaysia Sabah

**Abstract:**

The Philosophy and Contemporary Issues (FIS) course is one of the generic courses that must be taken by students in all Malaysian HEIs starting from the 2019/2020 intake session. The FIS module was developed with the aim of preparing students to be able to think critically and integrally in responding to various thinking challenges related to current issues. Critical thinking is an important element that needs to be applied in the curriculum of study at all levels. Therefore, the objective of this study is to analyse the elements of the formation of critical thinking in the study modules of FIS courses implemented at Universiti Malaysia Sabah. This study is included in a qualitative study. Thus, this study uses a document analysis design consisting of FIS modules, journals, and review articles related to the formation of critical thinking. The results of the study found that there are several elements of skills and sub-skills that can contribute towards the formation and application of critical thinking in the study modules of FIS courses offered at Universiti Malaysia Sabah. By studying this course, it is hoped that students' appreciation of this course will continue to increase and can help in the process of forming critical thinking in line with the direction of the national education system, namely value-based education.

**Keywords:**

Philosophy and Contemporary Issues, Critical Thinking, Universiti Malaysia Sabah

## Pengenalan

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu kursus generik yang wajib diambil oleh para mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta bermula pada sesi pengambilan 2019/2020 (Berita Harian Online, 25 September 2019). Pelaksanaan kursus wajib di IPTA dan PTS sangat relevan kerana selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), dan aspirasi negara yang peka terhadap transformasi kurikulum semasa.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Perlaksanaan kursus ini diputuskan sebagai kursus Wajib Universiti melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.14/2019 pada 12 Jun 2019 (Pengemaskinian Struktur Kursus MPU, 2019).

Kursus FIS mempunyai keistimewaan tersendiri berdasarkan isi dan struktur kandungan kursus yang sangat bermanfaat kepada seluruh mahasiswa dalam membentuk potensi diri secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah. Justeru, artikel ini cuba menjelaskan signifikan kursus FIS dalam membentuk pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berdasarkan penelitian terhadap modul kursus FIS, yang diguna pakai sejak kursus ini mula diperkenalkan sehingga modul penambahbaikan terkini digunakan di seluruh universiti awam dan swasta.

### **Konsep Pemikiran Kritis**

Secara umumnya, pemikiran kritis adalah satu konsep yang telah lama dibincangkan dalam disiplin ilmu falsafah. Pada peringkat awal, perbahasan mengenai pemikiran kritis berfokus kepada ilmu logik dan penghujahan (premis dan kesimpulan). Namun kemudian, pemikiran kritis terus berkembang dibincangkan dan lazimnya dikaitkan dengan idea keperluan menyesuaikan logik dengan praktis sehari-hari atau dikenali dengan ilmu hikmah (Mason, 2007). Sehubungan itu, pemikiran kritis merupakan salah satu daripada aspek pengajian neurosains (Mohd Fauzi, Wan Suhaimi, Azizi, Tengku Sarina Aini, Syed Mohammad Hilmi, Faizuri & Faridah, 2007; Rahmi Rivalina, 2020). Pemikiran kritis ditakrifkan oleh para sarjana dengan pelbagai perspektif bergantung kepada disiplin ilmu yang diperbincangkan. Ada yang membincangkan konsep pemikiran kritis dari perspektif falsafah (Bailin & Siegel, 2003; Siegel, 2010; Buka, 2014), perspektif agama (Alias, 2008; Norafifah, 2010; Zainorah, 2015), perspektif pendidikan (Abdul Salim, 2003; Pavallamphai, 2007; Dwijendra, 2009; Mohd Nuri, 2013) dan seumpamanya merentasi pelbagai disiplin ilmu.

Walaupun konsep atau definisi pemikiran kritis itu diperbahaskan dalam pelbagai disiplin ilmu, namun begitu kesepakatan para sarjana dalam takrif pemikiran kritis itu saling melengkapi antara satu sama lain. Definisi menyeluruh merangkumi semua pandangan para sarjana dalam memberikan takrif pemikiran kritis boleh dilihat seperti pernyataan di bawah (Scriven & Paul, 1987):

*“Critical thinking is the intellectually disciplined process of actively and skilfully conceptualizing, applying, synthesizing, and/or evaluating information gathered from, or generated by, observation, experience, reasoning, or communication, as a guide to belief and action”.*

(Pemikiran kritis ialah proses disiplin intelektual yang aktif dan mahir dalam membina konsep, menghubungkait, menggabungjalin dan, atau menilai maklumat yang dikumpul atau terhasil dari pengamatan, pengalaman, penaakulan atau komunikasi, sebagai panduan kepercayaan dan Tindakan).

Secara keseluruhan, kemahiran insani (*soft skill*) yang dirumuskan dengan pemikiran kritis antaranya ialah membuat analisis, sintesis, perkaitan, inferensi, klasifikasi atau kategori, mentafsir, menterjemah, membanding beza, menilai, menimbang, mencerakin, merumus,

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
 menghujah, membuktikan, memerhati, memeriksa, mengkaji dan yang seumpamanya (Zainorah, 2015). Hal yang sama didapati dalam perbahasan pemikiran kritis pada awal-awal kemunculannya yang memfokuskan enam keupayaan makro dalam pemikiran kritis. Keupayaan tersebut ialah membuat tafsiran konsep, menganalisis hujah, menilai kredibiliti, membuat inferens, menghurai dan meta kognitif (Nursafra Mohd Zaffar *et al.*, 2017). Keupayaan ini boleh dilihat seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Kemahiran dan Sub Kemahiran dalam Pemikiran Kritis**

Kemahiran	Sub Kemahiran
1. Menafsir	1. Mengkategorikan, mengenalpasti tujuan, menjelaskan makna, berfikir rasional.
2. Menganalisis	2. Meneliti idea, mengenalpasti hujah, menganalisis hujah, mensintesis idea/hujah.
3. Menilai	3. Menilai/ menimbang sesuatu pernyataan, memastikan sudut kredibiliti sumber, kerelevanannya konteks, kriteria penerimaan.
4. Membuat Inferens	4. Mempersoalkan bukti, mengandaikan alternatif, membuat konklusi.
5. Menghurai	5. Menyatakan keputusan, memberi justifikasi prosedur yang digunakan, mempersemprehendah hujah.
6. Meta Kognitif	6. Memeriksa idea sendiri, membetulkan idea sendiri, menguji hipotesis

Sumber: Adaptasi daripada Nursafra Mohd Zaffar *et al.*, 2017.

### **Pelaksanaan Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS**

Pada dasarnya, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1994 dengan tujuan menawarkan kursus-kursus teras universiti kepada semua mahasiswa daripada pelbagai fakulti di UMS. Pusat ini ditubuhkan untuk merealisasikan visi dan misi UMS, iaitu melahirkan pelajar yang berketerampilan dan seimbang dalam semua bidang ilmu pengajiannya. Hal ini ditegaskan oleh Ahmat Adam (2005) selaku dekan PPIB yang pertama (1994-2005) bahawa, tujuan utama penubuhan PPIB ialah untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja berketrampilan dari segi disiplin ilmu pengkhususannya, tetapi berketrampilan di dalam kerjaya lain yang lebih holistik seperti dalam bidang komunikasi, pemikiran kritikal, dan penguasaan bahasa. Penawaran kursus di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dikelompokkan dalam tiga kluster/gugusan iaitu:

- Gugusan Wajib Universiti (6 jam kredit)
- Gugusan Bahasa-Bahasa (8 jam kredit)
- Gugusan Pengajaran Liberal (6 jam kredit).

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
 Pengkelompokan kursus FIS dalam Kursus Gugusan Wajib Universiti (GWU) bermula pada sesi 1 2020/2021. Kursus ini telah menggantikan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), yang wajib diambil oleh semua pelajar IPT di seluruh Malaysia bermula pada sesi akademik 1998/1999 (Mohamad Azhari, Siti Norazilah, Surena, Aina Razlin, Edris & Zulmahari, 2012). Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan terhadap ilmu falsafah yang mencakupi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Rukun Negara. Penggunaan falsafah sebagai medium untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam kursus ini antaranya pengenalan dalam ilmu falsafah, epistemologi, metafizik, logik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya (Propektus Prasiswazah, UMS 2020/2021).

Dalam konteks merentas pengalaman UMS, bermula pada sesi pengajian 2000/2001, kursus TITAS merupakan antara kursus terbesar dalam gugusan Ilmu Pemikiran dan Falsafah yang ditawarkan di PPIB, sama ada dari segi bilangan jam kredit dan bilangan pelajar (Syamsul Azizul et al., 2019). Bagi memudahkan pengurusan akademik, penawaran kursus TITAS diselang-selikian dengan Kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (kini dikenali dengan Kursus Hubungan Etnik) antara pelajar aliran sastera dan sains. Misalnya, semester I pelajar aliran sains akan mendaftar kursus TITAS, manakala pelajar aliran sastera akan mendaftar kursus Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia (Hubungan Etnik) (Suraya & Faezah, 2005). Penawaran secara selang-seli ini berterusan sehingga kini bagi kursus Falsafah dan Isu Semasa yang menggantikan kursus TITAS, dan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban yang menggantikan kursus Hubungan Etnik.

### **Modul/Silibus Kursus FIS di PPIB, UMS**

Penawaran Kursus FIS di IPTA dan IPTS khususnya di PPIB, UMS adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Jadual 2 menunjukkan kandungan kursus FIS.

**Jadual 2: Kandungan Kursus FIS**

<b>Bab</b>	<b>Topik</b>	<b>Senarai Kandungan</b>
1	Pengenalan Falsafah dan Isu Semasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pengenalan Subjk Falsafah dan Isu Semasa</li> <li>➤ Falsafah Negara – Rukun Negara</li> <li>➤ Falsafah Pendidikan Negara</li> <li>➤ Falsafah Sejahtera</li> <li>➤ Senario dan Kajian Kes</li> </ul>
2	Falsafah dalam Kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Konsep Falsafah</li> <li>➤ Peranan Ilmu Falsafah</li> <li>➤ Cabang Ilmu Falsafah</li> </ul>
3	Logik dan Metodologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Ilmu logik dan Peranannya</li> <li>➤ Apa itu penghujahan?</li> <li>➤ Penghujahan Deduktif</li> <li>➤ Penghujahan Induktif</li> <li>➤ Falasi dan Isu Semasa</li> </ul>
4	Psikologi dan Sosiologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Konsep Insan dalam Falsafah Moden</li> <li>➤ Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun Islam</li> <li>➤ Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun India</li> </ul>

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

- |   |              |  |
|---|--------------|--|
| 5 | Metafizik    | > Konsep Insan dalam Falsafah Tamadun Cina<br>> Hubungan Tuhan, Alam dan Insan dalam Tradisi Agama Timur<br>> Hubungan Tuhan, Alam dan Insan dalam Tradisi Barat Moden<br>> Insan dari Perspektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan<br>> Definisi Metafizik<br>> Metafizik dari Perspektif Falsafah<br>> Metafizik dari Perspektif Agama dan Kepercayaan<br>> Teori-Teori Kewujudan<br>> Sistem Metafizik yang Berkaitan dengan Kefahaman Keagamaan |
| 6 | Epistemologi | > Konsep Epistemologi<br>> Apakah Definisi Ilmu?<br>> Kaedah Memperolehi Ilmu<br>> Jenis dan Klasifikasi Ilmu<br>> Apakah Teori Kebenaran?<br>> Aliran Ideologi Semasa<br>> Cabaran Ideologi Relativisme Pascamoden<br>> Fenomena dan Manifestasi Relativisme Pascamoden<br>> Implikasi Relativisme Pascamoden dalam Kehidupan<br>> Jawapan Agama dan Tradisi Terhadap Relativisme Pascamoden  |
| 7 | Ideologi     | > Maksud Kolonialisasi Epistemologi Universiti & Ilmu<br>> Persoalan Yang Perlu Dipertanyakan terhadap Kolonialisasi/Hegemoni/Dominasi Epistemologi Universiti & Ilmu Eropah Barat   |
| 8 | Dekolonisas  |  |

Sumber: *Table 4, Kursus Falsafah dan Isu Semasa, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.*

Selain daripada modul silibus di atas, Kursus FIS juga mempunyai asas penilaian lain merangkumi tugas kumpulan (esei, portfolio dan pembentangan kumpulan) dan tugas individu (kuiz/poster). Lazimnya dalam tugas kumpulan, para mahasiswa diberi kebebasan untuk memilih satu tajuk tugas yang berkaitan dengan isu-isu semasa berkaitan falsafah. Tugas ini diberikan agar para mahasiswa mampu membentuk pemikiran kritis dengan melakukan kajian perpustakaan dan juga lapangan (sekiranya perlu).

**Signifikan Kursus FIS dalam Membentuk Pemikiran Kritis berdasarkan Modul Pengajian Kursus FIS**

Signifikan Kursus FIS dalam pembentukan pemikiran kritis dalam kalangan mahasiswa dibincangkan mengikut pembahagian topik-topik utama, iaitu Pengenalan ilmu falsafah, falsafah dalam kehidupan, logik dan metodologi, psikologi dan sosiologi, metafizik,

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
epistemologi, ideeologi dan dekolonisasii. Sementara itu, hasil pembelajaran kursus ini sama di semua IPT di Malaysia iaitu (*Table 4*, Kursus Falsafah dan Isu Semasa, PPIB) iaitu;

1. Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.
2. Menghuraikan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.
3. Menganalisis isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalankan dialog antara budaya.

Oleh hal yang demikian, Kursus FIS merupakan satu wadah dalam memberikan pengisian pembentukan pemikiran kritis. Hal ini diperjelaskan melalui analisis beberapa kandungan silibus FIS seperti berikut:

### ***Bab 1: Pengenalan Subjek Falsafah dan Isu Semasa***

Bab ini mendedahkan kepada mahasiswa gambaran sebenar subjek Falsafah dan Isu Semasa diperkenalkan di Malaysia. Hasil pembelajaran dalam bab ini, antaranya menjelaskan peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai wadah atau medium penyediaan rakyat Malaysia mendepani cabaran global abad ke 21 (Wan Mohd Zahid, 2019). Para mahasiswa perlu menguasai bab ini agar membolehkan mereka mampu memberikan pandangan dan persepsi yang betul tentang FPK dan Rukun Negara dalam melahirkan falsafah sejahtera. Selain itu, bab ini juga cuba menghuraikan kedudukan dan peranan Rukun Negara sebagai dasar atau asas pada tahap “makro” dan dasar FPK pada tahap “mikro”. Timbul persoalan apa perkaitan di antara FPK dan Rukun Negara dengan kursus Falsafah dan Isu Semasa?

Secara dasarnya, bab ini cuba membentuk pemikiran secara kritikal dalam kalangan mahasiswa bagi menganalisis isu-isu semasa. Sebagai contoh, bab ini dimulakan perbincangan dengan Rukun Negara pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Adakah seorang warganegara Malaysia yang tidak percaya kepada Tuhan (Ateis) mampu menjadi warganegara yang baik? Dalam situasi ini, mahasiswa dilatih untuk berfikir secara kritis bahawa Kepercayaan Kepada Tuhan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara adalah bukan sekadar kebenaran tetapi perlu kepada justifikasi agar dapat membezakan garis pemisah di antara aliran Ateis dengan aliran yang percaya kepada agama (Teisme). Pada masa yang sama juga, para mahasiswa dilatih untuk menganalisis titik pertemuan dan kebersamaan, serta mengetepi perbezaan dalam Rukun Negara bagi menghasilkan Malaysia yang bersepdua dan hidup harmoni. Ringkasnya, kemahiran berfikir yang lebih spesifik diterapkan dalam bab ini antaranya melatih mahasiswa untuk mempertahankan idea, menolak atau menerima pandangan, dan menerima kebaikan dan keburukan berhubung Rukun Negara dan FPK dalam isu-isu semasa.

### ***Bab 2: Falsafah dalam Kehidupan***

Secara umum, bab ini merupakan pengenalan kepada asas disiplin ilmu falsafah. Pada awal perbincangan, mahasiswa didedahkan dengan perkembangan disiplin Ilmu Falsafah serta pembahagian ilmu falsafah kepada Falsafah Teoretikal dan Falsafah Praktikal. Hasil pembelajaran topik ini antaranya membincangkan konsep dan sejarah falsafah, serta menyorot secara kritikal cabang-cabang disiplin ilmu falsafah. Pada masa yang sama, perbincangan utama dalam bab ini adalah tentang peranan falsafah dalam kehidupan. Dalam modul Kursus FIS, para mahasiswa diajar dan didedahkan dengan perkaitan kehidupan

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
praktis sehari dengan falsafah. Perkaitan ini dibuktikan dengan melihat *worldview* falsafah itu sendiri sebagai suatu disiplin ilmu yang membahaskan pelbagai aspek permasalahan hidup manusia sehari (Konrad, 2007). Hal yang sama ditekankan oleh Menteri Pendidikan Malaysia sebelum ini, Mazlee Malik yang mewajibkan semua mahasiswa di IPT mempelajari falsafah untuk mencari ‘makna kehidupan’ (Mazlee, 2020). Hal ini kerana, falsafah adalah satu proses atau usaha mencari kebenaran dalam kehidupan secara berterusan (Idris & Sunawari, 2013).

Selain itu, mahasiswa juga disemai dengan budaya berfikir secara universal dalam menganalisis makna dan mencapai kebahagiaan dalam falsafah kehidupan. Sejauh mana manusia mencapai kebahagiaan melalui konsep yang betul. Sebagai contoh, pelajar didedahkan dengan metode mencapai kebahagiaan yang dibincangkan oleh dua tokoh pemikir iaitu Hamka (1966) dan Aristotle (1962) yang berbeza dalam mencapai dan menentukan kebahagiaan dalam falsafah hidup sama ada berpandukan agama atau pun akal (Mohd Annas, 2020). Begitu juga dengan persoalan-persoalan penting dalam bab ini umpamanya, persoalan tentang apakah tujuan hidup manusia? Mahasiswa cuba didedahkan dengan persoalan-persoalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi memupuk sifat ingin tahu yang tinggi dan mencari kebenaran dan jawapan kepada isu yang dipersoalkan. Justeru, keperluan untuk mengintergrasikan pemerhatian, pengalaman dan pengamatan dalam sesuatu isu terutamanya dalam soal kehidupan sangat penting kerana ia persoalan fundamental dalam disiplin ilmu falsafah. Ringkasnya, pemikiran kritis yang dibentuk dan diterapkan kepada mahasiswa dalam bab ini antaranya ialah menganalogi sesuatu konsep, menafsir dan menilai sesuatu hujah dengan teliti dan mendalam.

### **Bab 3: Logik dan Metodologi**

Logik ialah disiplin ilmu untuk mengasah akal agar berfikir secara integral bagi menghindar daripada melakukan kesilapan (Mat Rofa, 2013). Dalam erti kata lain, ilmu logik merupakan asas dalam proses analisis dan sintesis ilmu. Bahkan ilmu logik memainkan peranan yang penting dalam membina pemikiran yang sistematik dan berfikir secara betul. Sehubungan itu, bab ini membincangkan peranan, kedudukan dan hubungan ilmu logik dalam memahami disiplin ilmu falsafah. Ilmu Logik merupakan cabang disiplin ilmu falsafah yang menyelidik tentang pola pemikiran manusia. Dengan mempelajari metode-metode dalam ilmu logik, ia diharapkan dapat menerapkan asas kepada mahasiswa UMS agar dapat membuat premis dan kesimpulan dengan tepat. Para mahasiswa juga diajar untuk mengenalpasti pelbagai kesalahan dalam berfikir dan penghujahan yang dikenali sebagai falasi.

Selain itu, falsafah digunakan sebagai medium untuk membantu mengupas pengalaman hidup manusia secara logik serta menganalisis sesuatu isu menerusi hujah-hujah yang munasabah. Dalam bab ini juga, mahasiswa diasah supaya menaakul akal secara logik dan bersepadu sebagai mekanisme yang berkesan untuk memahami fakta empiris mengikut pertimbangan ilmu logik. Ringkasnya, bab ini cuba melatih mahasiswa dalam penjanaan idea dan generalisasi yang disokong oleh bukti-bukti yang logik. Hal ini dapat dilihat dalam latihan membuat premis dan kesimpulan yang baik, serta mengenalpasti hujah falasi. Antara elemen-elemen sub kemahiran pemikiran kritis yang diterapkan dalam bab ini ialah memeriksa dan membetulkan idea, menguji hipotesis, menganalisis hujah serta mempertahankan idea dalam penghujahan.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions  
**Bab 4: Psikologi dan Sosiologi**

Secara dasarnya, bab ini membahaskan konsep insan atau manusia dalam wacana pemikiran falsafah moden di barat, dan falsafah timur (falsafah Islam, falsafah Hindu dan falsafah Buddha). Bab ini juga cuba untuk mengajak mahasiswa berfikir dengan kritis bahawa tujuan mempelajari falsafah insan adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup. Hasil pembelajaran daripada bab ini antaranya adalah untuk menjelaskan asal-usul insan dari pelbagai perspektif berbanding dengan dualism dan pemisahan minda-raga dan ruh-jasad. Selain itu, bab ini juga menghuraikan hubungkait di antara konsep tuhan, insan dan alam serta mencerakin konsep insan sejahtera melalui perlembagaan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelektual (JERI). Ringkasnya, bab ini cuba melatih mahasiswa untuk berfikir kritis dengan mengutamakan sub-sub kemahiran pemikiran kritis seperti mengenalpasti dan menganalisis hujah, serta mensintesis idea/hujah. Hal ini dapat dilihat dalam konteks mahasiswa diajar untuk menganalisis konsep Insan Sejahtera dalam mendepani cabaran-cabaran kemanusiaan diperingkat lokal, nasional dan global.

**Bab 5: Metafizik**

Metafizik ialah satu disiplin ilmu yang mengkaji mengenai hakikat kewujudan segala sesuatu perkara atau benda (Randall, 1946; Abdul Latif 1997; Shaharir 2000; Ahmad Sunawari, 2006). Fokus utama ilmu metafizik adalah membahaskan perkara-perkara yang melampui alam fizikal (Wan Mohd Fazrul Azdi & Mastura, 2020). Dalam erti kata lain, metafizik adalah asas kepada ilmu falsafah. Bab ini cuba menjelaskan hubungan antara insan dengan alam dalam konteks teologi. Pada masa yang sama juga, bab ini cuba menghuraikan pembentukan dan perkembangan sistem-sistem metafizik seperti Theisme, Monotheisme, Athiesme, Agnostisme dan seumpamanya yang berkaitan dengan teologi. Dalam bab ini, mahasiswa dilatih dalam penghujahan menyokong kewujudan Tuhan dan tidak kewujudannya. Ringksnya, bab ini mengajak mahasiswa untuk berfikir secara kritis bagi merungkai persoalan-persoalan metafizik yang melangkaui akal fikiran. Sub-sub kemahiran pemikiran kritis yang cuba diterapkan kepada mahasiswa dalam bab ini antaranya ialah mengutamakan bukti atau keterangan sebagai sokongan dan tunjang kepada suatu penghujahan, ia memerlukan kemahiran logik dan taakulan terutamanya dalam persoalan-persoalan metafizik yang tidak mempunyai bukti emperikal tetapi mempunyai penghujahan logik sebagai sokongan.

**Bab 6: Epistemologi**

Dalam disiplin ilmu falsafah, perbahasan mengenai epistemologi merupakan persoalan dasar yang paling utama. Malah, sesetengah sarjana memberikan takrif falsafah ilmu itu adalah epistemologi yang dikenali sebagai (*theory of knowledge*) (Abdul Rahman, 2005). Kebiasaanya, epistemologi membincangkan tiga perkara asas iaitu sumber-sumber pengetahuan (*the source of knowledge*), tabi'i pengetahuan (*the nature of knowledge*), dan kemungkinan pengetahuan serta batas-batasnya (*the possibility knowledge*). Dalam erti kata lain, epistemologi merupakan salah satu daripada cabang ilmu falsafah yang membincangkan tentang hakikat, makna, kandungan, sumber dan proses ilmu (*The New Encyclopedia Britannica*, 2002). Istilah epistemologi juga sering dikaitkan dengan konsep sebenar ilmu iaitu sesuatu pengetahuan yang membawa kepada pemahaman kebenaran. Oleh itu, perbahasan epistemologi adalah suatu cabang falsafah yang menyiasat asal-usul, struktur, metode dan keabsahan ilmu (*Dictionary of Philosophy*, 1982).

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Justeru, dalam bab ini, mahasiswa cuba dilatih agar berfikir secara kritis dalam membincangkan dan menyelidiki tentang asal-usul sesuatu perkara, sumber, kaedah, proses dan had sesuatu ilmu ataupun pengetahuan sehingga membawa kepada pemahaman terhadap kebenaran yang mutlak dan hakiki. Atas dasar itu, para sarjana sangat mementingkan perbahasan epistemologi dalam disiplin ilmu falsafah (Basri, 2009). Hal ini kerana, tujuan utama falsafah adalah untuk mencari kebenaran atau hikmah. Kebenaran atau hikmah yang dicari ini adalah bersesuaian dengan kemampuan akal manusia sendiri yang hanya boleh dicapai sekiranya memahami dengan jelas persoalan-persoalan epistemologi. Ia seajar dengan takrif epistemologi yang majoriti sarjana sepakat iaitu disiplin ilmu yang membincangkan dan menyelidiki tentang asal-usul, sumber, kaedah, proses dan had sesuatu ilmu ataupun pengetahuan sehingga membawa kepada pencapaian dan pemahaman terhadap kebenaran yang hakiki (Basri, 2018). Ringkasnya, kemahiran utama yang diterapkan kepada mahasiswa dalam bab ini antaranya menafsir dengan kritis, menilai sesuatu penghujahan dari kredibiliti sumber, kerelevanan konteks, dan kriteria penerimaan.

### **Bab 7: Ideologi**

Secara umumnya, bab ini cuba menelusuri ideologi modenis dan pascamodenisme dalam aliran-aliran falsafah (Hazim Shah, 2020). Pascamodenisme telah wujud di Barat pada abad 1960-an, rentetan daripada reaksi kepada aliran modenis. Pemikiran modenis ini terdiri daripada ahli-ahli falsafah gerakan *Enlightenment* seperti Immanuel Kant, John Locke, David Hume dan diteruskan oleh positivis logik iaitu Karl Popper. Bab ini cuba menjelaskan cabaran ideologi relativisme pasca moden sebagai reaksi dari kegagalan modeniti. Pada masa yang sama juga, bab ini cuba menjelaskan implikasi salah satu ciri utama di dalam fahaman pascamodenis iaitu fahaman relativisme terhadap fahaman keagamaan. Hasil pembelajaran dalam bab ini adalah untuk menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran ideologi relativisme pascamoden dalam kehidupan semasa. Ringkasnya, dalam bab ini mahasiswa cuba diterapkan dengan kemahiran membuat inferens dan sub kemahiran pemikiran kritis seperti mempersoalkan bukti, mengandaikan alternatif, membuat konklusi. Hal ini dapat dilihat umpamanya dalam membahaskan implikasi fahaman relativisme terhadap kegamaan yang mana ia membawa kepada pro dan kontra kepada *subject matter* disiplin ilmu falsafah dan agama itu sendiri.

### **Bab 8: Dekolonisasi**

Bab ini membincangkan dekolonisasi iaitu satu proses tindakan atau perbuatan yang menjadikan sesuatu tempat, wilayah atau negara sebagai koloni (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam konteks kursus falsafah dan isu semasa, dekolonisasi merujuk kepada satu keadaan atau proses pembebasan diri daripada pengaruh kolonial (Hazim Shah, 2020). Masyarakat hari ini masih dijajah oleh barat dari aspek fizikal, material, pemikiran dan intelektual. Pengaruh kolonial yang wujud pada hari ini, masih berakar umbi dari pengaruh-pengaruh kolonial yang menyebabkan kepada kemasuhan alam. Hasil pembelajaran bab ini antaranya menjelaskan fenomena kemasuhan alam-antropogenik serta menghuraikan dekolonisasi melalui pendekatan Insan Bersepadu yang menjadi pergerakan pembebasan epistemologi, ilmu dan kemanusiaan. Dalam bab ini juga dibincangkan tokoh falsafah Rene Descartes (Britain) dan tokoh falsafah Francis Bacon (Francis) yang sangat memberikan implikasi kepada alam sekitar. Ringkasnya, dalam bab ini mahasiswa cuba diterapkan dengan pemikiran kritis kemahiran menafsir dan sub kemahiran mengkategorisasi, mengenalpasti tujuan, menjelaskan makna, berfikir rasional. Hal ini dapat dilihat dalam aspek perbincangan

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
implikasi pemikiran moderniti yang boleh membawa kepada kemusnahan alam sekitar,  
memisahkan minda dan elemen kerohanian manusia itu sendiri (*the mind body problem*).

## Kesimpulan

Signifikan kursus FIS dalam membentuk pemikiran kritis di IPTA/IPTS khususnya di UMS tidak dapat disangkal. Pendekatan kontekstualisasi melalui FPK dan Rukun Negara cuba untuk menjelaskan asas dan kerangka pembinaan falsafah dalam kehidupan. Manakala pendekatan analisis melalui subtopik-subtopik falsafah seperti ilmu logik, psikologi, metafizik dan epistemologi diajar supaya dapat membina daya-saing pemikiran kritis semasa berbanding dengan pendekatan dogmatik falsafah yang sekadar bertumpu kepada sejarah aliran-aliran pemikiran dalam pengajaran falsafah. Sementara itu, aplikasi dalam isu semasa ditekankan dalam aspek ideologi-relativisme pascamoden dan dekolonialisasi dualism cartesian adalah bertujuan untuk menganalisis isu semasa melalui domain analisis falsafah. Kesemua subtopik ini diajar adalah untuk membina kemahiran pemikiran kritis antaranya membuat analisis, sintesis, perkaitan, inferensi, klasifikasi atau kategori, mentafsir, menterjemah, membanding beza, menilai, menimbang, mencerakin, merumus, menghujah, membuktikan, memerhati, memeriksa, mengkaji dan yang seumpamanya.

## Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

## Bibliografi

- Abdul Latif Samian. 1997. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2005. *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-Konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Salim Abdul Karim. 2003. An Evaluation of Critical Thinking Skills: A Case Study. *Disertasi (M.E.S.L)*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ahmat Adam. 2005. "Universiti: antara pendemokrasian dan kecemerlangan", dalam Ahmat Adam (peny.), *Kenang-Kenangan Sepuluh Tahun Universiti Malaysia Sabah*: Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Azhar. 2008. Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah di Malaysia. *Tesis (Ph.D)*. Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya.
- Aristotle. 1962. *Nicomachean Ethics*. USA: Bobbs-Merrill.
- Basri Husin. 2009. Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat Dan Sumber-Sumber Ilmu Dalam Tradisi Islam. *Jurnal Usuluddin*, vol. 30.
- Basri Husin. 2018. Perbahasan Epistemologi Dalam Wacana Kalam Al-Asha'Irah: Analisis Terhadap Pemikiran Al-Baqillani (M. 403h) dan Al-Baghdadi (M. 429h). *Tesis (Ph.d)*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Bailin, S. & Siegel, H. 2003. "Critical thinking". Dlm. Blake, N., Smeyers, P., Smith, R. & Standish, P. *The Blackwell Guide to the Philosophy of Education*. Australia: Blackwell Publishing.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Berita Harian Online, 25 September 2019. Dicapai pada 20 April 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baru-ua>
- Buka, P. 2014. Effectiveness of critical thinking instruction. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(22): 479-485.
- Dictionary of Philosophy*. 1982. ed. Dagobert D. Runes, Totowa. New Jersey: Little-Field, Adams & Co.
- J. Dwijendra Menon. 2009. Literary texts as a resource for critical thinking in the classroom. *Disertasi (M.E.S.L.)*. Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Hamka. 1966. *Pandangan Hidup Muslim*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hazim Shah, 2020. "Ideologi Semasa: Relativisme". Dicapai pada 30 April 2021 daripada <https://www.youtube.com/watch?v=qBPXpp4rPKQ&t=59s>
- Idris Zakaria dan Ahmad Sunawari Long. 2013. Titik Temu Antara Falsafah dan Kehidupan Praktis. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 3: (June) 2013.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konrad Kebung. 2007. *Filsafat Itu Indah*. Jakarta: Prestasi Pustaka.
- Mason, M. 2007. Critical thinking and learning. *Educational Philosophy and Theory: Incorporating ACCESS*. 39(4): 339-349.
- Mat Rofa Ismail. 2013. *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mazlee Malik, 2020. Peranan Mahasiswa dalam Membentuk Keintelektualan Masyarakat. *Forum Perdana*, Khamis 19 November 2020.
- Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden & Zulmahari Marawi. 2012. Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus TITAS; Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar. *Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI 2012)*. Kuala Lumpur.
- Mohd Anas Syafiq Ayob. 2020. Perspektif Hamka Dan Aristotle Mengenai Kebahagiaan. *Jurnal Hadhari* 12 (1) (2020) 45 – 59.
- Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Azizi Che Seman, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Syed Mohammad Hilm Syed Abdul Rahman, Faizuri Abd Latif & Faridah Che Husin. 2007. Penerapan Pemikiran Kritis Menerusi Silibus Pendidikan Islam, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Kbsm): Kajian Di Smka Negeri Melaka. *AFKAR - B1L* 8/2007. 207-240.
- Mohd Nuri al-Amin bin Endut. 2013. Islamic Critical Thinking: A study on the Perception of Muslim Engineering Students in Malaysian Higher Learning Institution. *Tesis (Ph.D)*, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Norafifah Ab. Hamid. 2010. Budaya Pemikiran Kritis: Kajian di Era Pemerintahan Khalifah Umar bin Abd al-Aziz (99 – 101 H). *Disertasi (M. Usuluddin)*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak. 2017. Elemen Pemikiran Kritis Dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Volume 1(2) September 2017, 92-101.
- Pavallamphai Ramachandran. 2007. Using web-based material to develop critical thinking skills in a form 4 ESL reading class. *Disertasi (M. Ed.)*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
Pengemaskinian Struktur Kursus Mpu - Pelaksanaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa & Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. Dicapai pada 28 April 2021 daripada [https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/pubsnotificationletter\\_2019.cfm](https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/pubsnotificationletter_2019.cfm)
- Propektus Prasiswah, UMS 2020/2021). Dicapai pada 25 April 2021 daripada <http://bpa.ums.edu.my/index.php/ms/prospektus-prasiswazah/2020-2021/pusat/ppib>
- Rahmi Rivalina. 2020. Pendekatan Neurosains Meningkatkan Keterampilan Berpikir Tingkat Tinggi Guru Pendidikan Dasar. *Jurnal Teknologi Pendidikan*. Vol: 08/01 Julai 2020.
- Randall Jr., John Herman. 1946. Metaphysics: Its Function, Consequences and Criteria. *The Journal of Philosophy* 43 (15): 401-412.
- Scriven, Michael & Paul, Richard. 1987. "Defining Critical Thinking", dicapai pada 29 April 2021 daripada <http://www.criticalthinking.org/pages/defining-critical-thinking/766>.
- Shaharir Mohamad Zain. 2000. Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siegel, H. 2010. Critical thinking. International Encyclopedia of Education, 6: 141-145.
- Suraya Sintang & Faezah Kassim. (2005). Pencapaian Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Kursus TITAS: Sebelum dan Selepas Perlaksanaan Kelas Tutorial. Dlm Mohd. Syariefudin Abdullah, Misnan Jemali & Samri Sainuddin (Peny.). Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran TITAS. Tanjung Malim: Penerbit Universit Pendidikan Sultan Idris.
- Syamsul Azizul Marinsah, Suraya Sintang, Habibah @Artini Ramlie & Mohd Nurhidayat Hasbollah Hajimin. 2019. Pengajaran Kursus TITAS dan Kepentingannya dalam Pembentukan Keharmonian Beragama: Penelitian terhadap Modul Kursus TITAS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Table 4, Kursus Falsafah dan Isu Semasa. Dicapai pada 29 April 2021 daripada <https://smartv3.ums.edu.my/course/view.php?id=14815>
- The New Encyclopedia Britannica. 2002. Jil. 18, edisi ke-15. USA: Encyclopaedia Britannica, Inc.
- Wan Mohd Fazrul Azdi & Mastura, 2020. Konsep Tuhan Dan Agama Dalam Metafizik Stephen Hawking (1942-2018) Menerusi Brief Answers to The Big Questions: Suatu Analisis Dari Perspektif Islam. E-Proceedings of The International Conference on Aqidah, Religions And Social Sciences (Sigma10). Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. 2019. Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Sejarah dan Matlamat, dalam Dzulkifli Abdul Razak dan Rosnani Hashim, Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020. Kuala Lumpur: IIUM Press, 3-20.
- Zainoriah Kadri. 2015. Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Surah al-Rum. *Tesis (Ph.D)*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.